


TUKAR DOKUMEN... Pertukaran dokumen MoU diantara Dr. Mohd Harun dan Dr. Jan van Tol, Pengarah Bersekutu Penyelidikan, Naturalis Biodiversity Center, University of Leiden.



KENANGAN... berkumpulan rombongan UMS dengan kakitangan University of Leiden serta Liew Thor Seng dan Zarinah Waheed staf akademik UMS yang sedang melanjutkan pengajian di universiti berkenaan.

NST 08.11.2012 3

UMS tandatangani MoU penyelidikan dengan Universiti of Leiden, Netherlands

KOTA KINABALU: Dalam memperkasa bidang kajian dan penyelidikan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus mengadakan pelbagai usaha termasuk menjalinkan kerjasama persefahaman di peringkat antarabangsa.

Terbaru, UMS telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Naturalis Biodiversity Center, University of Leiden di Amsterdam.

UMS diwakili Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah serta Pendaftar Datuk Abdullah Hj. Mohd Said manakala University of Leiden diwakili oleh Pengarah Bersekutu Penyelidikan, Naturalis Biodiversity Center Dr. Jan Van Tol, dan ketua, Jabatan Zoologi Marin, Naturalis Biodiversity Center Dr. Bert W Hoeksema.

Menurut Dr. Mohd Harun, MoU itu merupakan susulan daripada lawatan kerja rasmi Yang Di-Pertua Negeri Sabah yang juga Canselor UMS, Tun Haji Juhar Datuk Mahiruddin bersama pegawai-pegawai utama ke universiti berkenaan pada Mac lalu.

Katanya, MoU itu merangkumi penyelidikan bersama dalam bidang biodiversiti marin dan biodiversiti terestrial.

"Salah satu bidang tumpuan adalah berkaitan dengan kajian terumbu karang yang akan dilaksanakan bersama Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) UMS, sekali gus mengukuhkan lagi pengiktirafan IPMB sebagai Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi Berpotensi oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Selain itu, kedua-dua pihak akan mengadakan mobiliti staf akademik dan pertukaran maklumat penyelidikan," katanya.

Sementara itu, Datuk Abdullah pula berkata seramai dua orang staf akademik UMS juga kini sedang melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah di Universiti berkenaan dalam bidang terumbu karang dan biologi evolusi.